

Headline	Pulihara alam melalui kempen tanam 100 juta pokok		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	WM38	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,972
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,916



Dalam usaha menghijaukan bumi Malaysia, Touch 'n Go Group menerusi Touch 'n Go eWallet, bersama Yayasan Hijau Malaysia melancarkan kempen Mission GreenPossible: 100 Million Trees by 2025 di ibu negara, baru-baru ini.

Majlis pelancaran disempurnakan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Indera Mohd Ridza Awang.

Misi itu menyasarkan untuk menyumbang ke arah pemuliharaan alam sekitar melalui usaha Yayasan Hijau Malaysia dalam menanam lebih banyak pokok di bawah bidang kuasa agensi utama, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Menerusi kerjasama itu, pengguna boleh menderma dengan cara yang lancar dan tanpa kertas menggunakan aplikasi Touch 'n Go eWallet.

Lebih menarik, perjalanan sumbangan setiap penyumbang juga boleh dilihat dan dijejaki menerusi aplikasi atau laman web yang dikhaskan.

Bagi setiap 100 peratus pokok maya yang ditanam, sekelompok pokok sebenar

Pulihara alam melalui kempen tanam 100 juta pokok

akan ditanam yayasan itu yang juga agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Misinya adalah untuk mengajak rakyat Malaysia tampil bersama, menderma dan berusaha untuk memulihara alam semula jadi.

Kumpulan berkenaan juga akan menderma bersama orang ramai dalam usaha memastikan negara lebih hijau untuk generasi akan datang.

Dikategorikan di bawah prinsip kemampanan hidup lestari, kempen itu turut menyokong rangka kerja kemampanan kumpulan berkenaan.

Ia sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertujukan empat tonggak utama iaitu Tech 4 Good, Melayan Rakyat Secara Adil, Kemasukan Digital dan Planet Kita.

Menerusi tonggak Planet Kita, kumpulan terbabit berusaha mengambil langkah sesuai untuk mencapai status neutral karbon menjelang 2050.



AMIN, (dari kiri) Mohd Ridza dan Alan ketika pelancaran kempen Mission GreenPossible: 100 Million Trees by 2025.

Pada masa sama, kumpulan itu turut menyokong usaha pemuliharaan seperti perhutanan semula, pemuliharaan bakau dan pemeliharaan konsisten.

Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Alan Ni berkata, kempen itu bukan sahaja memberi manfaat kepada matlamat kemampanan kumpulan tetapi juga membantu menangani keperluan mereka.

Katanya, sebagai sebuah perniagaan, mereka mahu memperkasakan orang ramai dengan pengetahuan dan tindakan dalam

memudahkan usaha mencapai planet yang lebih bersih dan hijau bagi generasi akan datang.

"Kerjasama ini sememangnya bermakna kerana kami melihat syarikat sebagai sebahagian daripada ekosistem kemampanan. Justeru kami perlu memainkan peranan dalam memastikan alam semula jadi terus terjaga.

"Untuk itu, kami menggalakkan pengguna menyumbang dan melihat sendiri perkembangan tumbesaran pokok maya melalui aplikasi Touch 'n Go eWallet," katanya.

Dalam pada itu,

Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Kebangsaan berfungsi sebagai pelan tindakan kebangsaan yang bertujuan untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025.

Dengan tema Pokok Kita, Kehidupan Kita, ia adalah inisiatif lima tahun di bawah bidang kuasa KeTSA bersama agensi utamanya iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Yayasan Hijau Malaysia.

Dilancarkan pada 5 Januari 2021, kempen itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hutan dan memupuk penghargaan dalam kalangan orang ramai.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan 54 peratus daripada kawasan tanah di negara ini akan dilitupi hutan.

Sehingga kini, sebanyak 46 juta pokok, terdiri

daripada lebih 1,300 spesies sudah ditanam di seluruh negara di bawah kempen terbabit. Manakala baki 54 juta pokok lagi akan ditanam menjelang tahun 2025.

Sementara itu, Pegawai Eksekutif Yayasan Hijau Malaysia, Amin Abdullah berkata, pihaknya percaya kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta perlu menjalinkan kerjasama erat dalam memastikan kejayaan kempen berkenaan.

Ini kerana, secara sendirian, tidak banyak yang boleh dilakukan berbanding jika bergabung tenaga.

"Pihak swasta harus tampil ke hadapan untuk sama-sama terbabit dalam menjayakan program sebegini kerana usaha memelihara alam sekitar tetap menjadi tanggungjawab bersama semua anggota masyarakat.

"Ia sekali gus dapat mengurangkan kesan karbon dan mencapai sasaran Karbon Sifar Bersih menjelang tahun 2050," katanya.